

KONSEP ISLAM DALAM SASTERA CERITA MELAYU: “RANJAU SEPANJANG JALAN”, SHAHNON AHMAD

Islamic Educational Concepts In A Story: "Obstacle Along The Road" By Shahnnon Ahmad

*Khalid Ludin¹, Normah Husin¹, Muhammad Hashimee²

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

²Fakulti Sains Sosial
Universiti Islam Selangor (UIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: khalid@uis.edu.my

Submitted:	Accepted:	Revised:	Published:
16-Apr-2025	01-Nov-2025	26-Dec-2025	30-Dec-2025

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk memperkenalkan Shahnnon Ahmad sebagai novelis Muslim, seterusnya menunjukkan konsep Islam yang dirujuk dalam novel yang ditulis dan sejauh mana kejayaannya dalam menyampaikan pengalaman yang dilalui beliau. Kajian ini mengkaji novel dalam pelbagai sudut kajian sastera, analitikal, dan kritis bertujuan mengetahui dan memahami sejauh mana konsep-konsep Islam yang dipaparkan. Kaedah kajian berdasarkan pendekatan perpustakaan induktif, iaitu dengan membaca novel, menterjemah beberapa teks yang mempunyai pengaruh Islam dan pendapat pengkritik novel secara keseluruhan. Hasil kajian mendapati novel ini secara asasnya berkonsepkan Islam di bahagian-bahagian tertentu, tetapi falsafah dan konotasinya di bahagian-bahagian lain - terutamanya topik nasib – didapati berlaku kesilapan dalam menanganinya. Dapatan kajian membuktikan novel ini merupakan novel Islamik yang memaparkan kejujuran penulis yang meluahkan apa yang berlaku di sekelilingnya dengan penuh kejujuran dan keikhlasan tanpa mengira kesilapannya yang terbilang dijari dan kesempurnaan hanya milik Allah Yang Maha Esa. Pendekatan penulisan Shahnnon Ahmad membuktikan beliau layak diangkat sebagai penulis konsep Islam yang berjaya dalam mempamerkan sastera Melayu.

Kata kunci: Konsep Islam, Sastera, Analitikal, Kritis, Induktif

Abstract

This study aims to introduce Shahnnon Ahmad as a Muslim novelist by showing the concept of Islam that he depicted in his novel and the extent of his success in conveying the experiences he went through. This study examines the novel from various angles of literary, analytical, and critical study in order to know and understand the extent of the Islamic concepts presented. The study method is based on library research, namely by reading the novel, translating several texts with Islamic influence, and taking into accounts the opinions of critics of the novel as a whole. The results of the study show that this novel is basically conceptualized as Islamic but its philosophy and connotations in other parts - especially the topic of fate - were found to be unIslamic in the way the writer handled them. The study findings prove this novel is an Islamic novel that displays the honesty and sincerity of the writer who expresses the reality that is happening around him. His writing

approach then proved that he is worthy of being appointed as a successful writer who infuses Islamic concepts into Malay literature.

Keywords: *Islamic Concept, Analytical, Critical, Inductive*

1.0 PENGENALAN

Shahnnon Ahmad dilahirkan pada 13 Januari 1933, di Kampung Banggul, daerah Derdap di negeri Kedah. Bapanya berasal dari Sumatera dan ibunya berasal dari Pattani (selatan Thailand). Shahnnon dibesarkan dalam suasana kampung di kawasan yang terkenal dengan penanaman padi dan menjadi sumber pendapatan utama dalam kalangan petani. Kehidupan yang sukar dan getir ini membangkitkan semangat juang beliau untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Shahnnon Ahmad ialah seorang penulis yang hidup sebelum dan selepas merdeka. Beliau hidup 24 tahun sebelum merdeka dengan menghabiskan zaman kanak-kanaknya melihat perjuangan rakyat menentang penjajah Inggeris.

Kerjayanya bermula sebagai guru sekolah dan kemudian menjadi pensyarah di Universiti Sains Malaysia (USM) sehingga dilantik sebagai Profesor Sastera. Pengiktirafan tertinggi beliau Adalah mendapat gelaran Sasterawan Negara pada tahun 1982. Karya beliau banyak dijadikan teks kajian di sekolah dan universiti.

Kehidupan sosialnya diselubungi kepayahan dan kemelaratan dan inilah gambaran yang dipaparkan dalam karya sastera pertamanya "Ranjau Sepanjang Jalan" (1966). Ciri-ciri karya tersebut adalah: kehidupan sosial yang menggambarkan penderitaan, kemiskinan, dan pergantungan kepada alam. Watak Lahuma dan Jeha melambangkan ketabahan rakyat desa menghadapi "ranjau" kehidupan. Novel ini dianggap karya agung kerana berjaya memaparkan realiti masyarakat desa dengan penuh kejujuran.

Karya Ranjau Sepanjang Jalan tulisan Shahnnon Ahmad ini menggambarkan kemiskinan dan penderitaan petani yang bergantung sepenuhnya pada padi, berhadapan kemiskinan tegar dan ancaman bencana alam seperti banjir, kemarau, serangan haiwan perosak seperti tikus dan sebagainya. Elemen lain yang ditonjolkan adalah dari aspek ketabahan dan dan kegigihan; luar biasa keluarga Lahuma dalam menghadapi dugaan hidup demi kelangsungan hidup anak-anak mereka. Konflik modenisasi menunjukkan pertentangan antara kaedah pertanian tradisional dengan arus kemodenan yang cuba diperkenalkan.

Pemilihan novel ini sebagai penelitian konsep-konsep Islam adalah kerana penerapan nilai-nilai murni penduduk kampung dengan gambaran kasih sayang, konsep syukur atas kesenangan dan kemewahan, kepercayaan kepada Tuhan pemberi rezeki yang mutlak dan kepentingan sumber rezeki (padi).

Pemilihan novel ini sebagai penelitian konsep-konsep Islam adalah kerana penerapan nilai-nilai murni penduduk kampung dengan gambaran kasih sayang, konsep syukur atas kesenangan dan kemewahan, kepercayaan kepada Tuhan pemberi rezeki yang mutlak dan kepentingan sumber rezeki (padi).

Sumbangan Shahnnon Ahmad yang tidak boleh disangkal Adalah dengan mengangkat suara rakyat desa ke dalam arus perdana kesusasteraan Melayu. Beliau Menulis lebih 30 buah karya termasuk novel, cerpen, esei dan kritikan. Karya beliau sering menekankan hubungan manusia dengan alam, Tuhan, dan masyarakat. Selain Ranjau Sepanjang Jalan, karya penting lain termasuk Srengenge, Terdedah, dan Shit.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan kaedah perpustakaan induktif iaitu dengan membaca novel, menterjemah beberapa teks yang mempunyai pengaruh Islam dan pendapat pengkritik novel secara keseluruhan. Kajian ini mengkaji novel dalam pelbagai sudut kajian sastera, analitikal, dan kritis bertujuan mengetahui dan memahami sejauh mana konsep-konsep Islam yang dipaparkan. Kajian ini memfokuskan lima petikan terpilih daripada teks-teks novel yang memaparkan konsep-konsep Islamik iaitu:

- a) Kehidupan, kesenangan & kesusahan adalah takdir Allah S.W.T
- b) Kebahagiaan & kepayahan perlu disusuli dengan kesyukuran & pujian pada Allah S.W.T
- c) Allah S.W.T adalah pemberi rezeki yang mutlak
- d) Rezeki milik Allah S.W.T datang dengan pelbagai cara & bentuk
- e) Menyerahkan urusan kehidupan kepada Allah S.W.T dengan bertawakal.

3.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Novel ini memaparkan konflik antara realiti sosial dan nilai Islam melalui kesusahan keluarga penduduk kampung dalam mengusahakan sawah padi. Penderitaan fizikal dan kemiskinan ditafsir sebagai ujian Allah S.W.T, bukan sekadar realiti ekonomi. Menurut Morni Hussin (2018), sasterawan merupakan orang yang bertanggungjawab untuk membentuk dan membina moral dalam Masyarakat. Karya Shahnnon Ahmad menyedarkan masyarakat tentang realiti kehidupan penduduk kampung yang bergelut dengan kemiskinan dan kemelut keperitan hidup yang berpanjangan. Walaubagaimanapun, mereka tetap berjiwa besar berusaha bersungguh-sungguh demi sesuap nasi. Kajian Morni Hussin (2018) terhadap novel *Ranjau Sepanjang Jalan* ini mendapati Shahnnon Ahmad meneliti hubungan antara masyarakat, pemikiran hubungan manusia dengan pencipta dan hubungan manusia dengan alam.

Karya Shahnnon Ahmad ini menekankan unsur ketuhanan sebagai landasan perjuangan hidup berlandaskan ideologi ketuhanan, tawakal dan sabar menghadapi ranjau kehidupan. Novel menonjolkan nilai kasih sayang, ketabahan, dan kepercayaan kepada Tuhan sebagai asas kehidupan. Kajian mendapati karya Shahnnon Ahmad membincangkan isu agama Islam secara serius dan terperinci berdasarkan kajian yang ditulis oleh Ahmad et al (2018) dalam artikel bertajuk *Permasalahan Sosial dan Agama dalam novel terpilih Najib Mahfuz dan Shahnnon Ahmad*.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

- a) Mengenalpasti konsep-konsep Islam yang ditonjolkan dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* oleh Shahnnon Ahmad.
- b) Mengenalpasti kaedah penyampaian penulis dalam menyampaikan isi cerita novel berdasarkan konsep-konsep Islam.

5.0 SOROTAN LITERATUR

Kajian oleh Mohamad Ezhar Ithdzzuddin Mohd Zulhar (2022) mengungkap bahawa Ranjau Sepanjang Jalan karya Shahnnon Ahmad berlatarbelakangkan kehidupan masyarakat di Kampung Banggol Derdap, Kedah yang memaparkan unsur kemiskinan petani yang hanya kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang.

Hashim Ismail (2007) menyatakan Ranjau Sepanjang Jalan terkenal dengan isu kemiskinan dan personaliti penulisnya Shahnnon Ahmad tidak boleh dipertikaikan kerana beliau banyak menulis novel-novel berdasarkan kisah benar. Disertasi peringkat Doktor Falsafah yang ditulis Kathirasan Doraisamy (2004) menegaskan Shahnnon Ahmad telah mencapai taraf antarabangsa kerana teknik penulisan yang berkesan dan elemen penulisan yang dimasukkan juga lebih matang.

Ahmad et al (2018) menulis dalam kajian iaitu Permasalahan Sosial dan Agama dalam novel terpilih Najib Mahfuz dan Shahnnon Ahmad, kajian mendapati karya Shahnnon Ahmad lebih serius membincangkan isu agama Islam berbanding Najib Mahfuz. Hashim Ismail (2007) mengakui Shahnnon Ahmad mempunyai nilai-nilai yang tinggi dengan jiwa masyarakat tani yang kerdil dan penuh ujian dengan pergelutan hidup. Manusia yang diangkatnya, sehingga sekarang terikat kukuh dalam ingatan kita tentang sikap Jeha dan Lahuma. Semua pembaca memahami Shahnnon dengan jiwa Banggol Derdap. Hal ini merupakan identiti yang berbeza lain dari yang lain.

Azman Ismail (2018) menulis dalam kajian beliau, kebanyakan teks Shahnnon Ahmad menyentuh perkara agama, budaya dan adat resam serta unsur sosial dalam masyarakat. Hasil kajian mendapati novel-novel yang dikaji berjaya mengetengahkan budaya masyarakat Melayu terutamanya pekerjaan kampung, kemiskinan dan juga pemikiran politik. Kajian Arba'ie Sujud (2015) menyatakan kehebatan Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad tidak boleh dinafikan kerana hasil karya beliau memiliki nilai estetika yang tersendiri. Gaya pemikiran beliau lebih tertumpu kepada isu semasa rakyat di sesebuah kawasan. Hashim Ismail (2007) menulis karya Ranjau Sepanjang Jalan mempunyai identiti tersendiri dan ianya merupakan karya yang hebat yang membawa isu masyarakat. Peranan teks karya memberi sumbangan kepada pembangunan modal insan untuk masa kan datang.

Azman Ismail (2018) menulis dalam kajiannya, Shahnnon Ahmad dalam Ranjau Sepanjang Jalan misalnya telah membina jaringan etnografi ekonomi untuk memperlihatkan keperitan-keperitan sosio ekonomi masyarakat di kampung Banggol Derdap di Sik, Kedah melalui watak-watak kelas marginal Melayu yang diwakili oleh keluarga Lahuma dan Jeha. Berdasarkan pandangan-pandangan Goodenough (1957), penyataan sosioekonomi yang dibina oleh Shahnnon tersebut dapat difahami sebagai sebuah sistem pengetahuan yang diperolehi melalui proses kognitif. Oleh itu, intelektual dalam pemahaman Goodenough bukanlah merupakan fenomena semulajadi tetapi terbentuk hasil daripada hubungan pengalaman budaya dan elemen kognitif.

Menurut Morni Hussin (2018), sasterawan merupakan orang yang bertanggungjawab untuk membentuk dan membina moral dalam Masyarakat. Karya Shahnnon Ahmad menyedarkan masyarakat tentang realiti kehidupan penduduk kampung yang berjiwa besar walaupun bergelut dengan kemiskinan dan kemelut kesusahan yang berpanjangan.

6.0 PERBINCANGAN ULASAN CERITA

6.1 isi cerita

Novel ini adalah sebuah buku kecil mengandungi 267 muka surat. Halaman 264 adalah penghujung cerita dan dua halaman berikut adalah definisi istilah yang digunakan oleh novelis Shahnnon Ahmad. Novel ini diterbitkan pada 23 September 1966 selepas merdeka.

Shahnnon membahagikan novelnya kepada 16 babak dan meletakkan setiap babak satu bab yang berlainan. Bab yang terpanjang ialah bab enam dan bilangan muka suratnya mencecah 34 halaman di mana peristiwa yang terdapat dalam novel itu mula menjadi rumit. Manakala bab terpendek ialah bab pertama, bab 12 dan bab 14, yang mencapai bilangan halaman setiap bab 11 halaman menggunakan gaya bahasa dalam dialek tempatan secara umum. Novel ini dianggap sebagai novel yang bercirikan tradisional, inovatif dalam dunia kesusasteraan Melayu baharu. Ilyas Zaidi memetik apa yang dikatakan oleh Abu Bakar Hamid: "Novel ini adalah titik perkembangan novel Melayu dan ia juga dihormati dan dihayati di peringkat antarabangsa." Novel ini telah diberi anugerah kecemerlangan dan diperakui oleh pelopor dan pengkritik sastera Melayu seperti Abu Bakar Hamid, Muhammad Yusuf Hassan, dan Dr Abdul Wahab Ali, dan juga di peringkat antarabangsa seperti Dave J. Banks.

6.2 konsep islam

Konsep-konsep Islam yang dimaksudkan di sini adalah topik-topik yang berkaitan dengan konsep dan prinsip Islam yang ditangani Shahnnon Ahmad sepanjang perjalanan cerita yang terdapat dalam novel ini. Kajian ini memfokuskan lima petikan terpilih daripada teks-teks novel yang memaparkan konsep-konsep Islamik. Ini dilakukan dengan menyemak teks asal, menterjemahkannya dan membuat ulasan.

1. Konsep Takdir:

Dalam Islam, takdir adalah ketetapan Allah atas segala sesuatu, namun manusia tetap diberi ruang untuk berusaha (ikhtiar). Takdir terbagi menjadi dua: takdir mubram (pasti, tidak bisa diubah) dan takdir mu'allaq (bisa berubah dengan usaha dan doa)

(Petikan Pertama):

"Mati hidup dan susah senang dipegang oleh Tuhan. Dipegang oleh Allah Azzawajalla".

Ulasan: Shahnnon bermula dengan menjelaskan bahawa dunia ini dengan hidup dan matinya, kepahitan mencari rezeki semuanya berada di bawah tangan Pencipta dan Penguasanya, iaitu di tangan Tuhan Yang Maha Esa.

2. Konsep Syukur:

Syukur dalam Islam adalah pengakuan dan penghargaan atas nikmat Allah S.W.T dengan hati, lisan, dan perbuatan. Ia bukan sekadar ucapan "alhamdulillah", tetapi juga tindakan nyata yang menunjukkan rasa terima kasih kepada Allah S.W.T

(Petikan Kedua):

"Kesenangan dan kebahagiaan diterima dengan penuh kesyukuran. Diterima dengan ucapan Alhamdulillah seribu kali. Dan penderitaan serta malapetaka yang menimpa pun diterima juga dengan kesyukuran. Dengan ucapan Alhamdulillah seribu kali juga. Demikian Lahoma dengan bininya Jeha".

Ulasan: Kebahagiaan hidup diterima dengan kesyukuran yang melimpah dengan mengucapkan: "Segala puji bagi Allah" beribu-ribu kali. Kepayahan mengharungi musibah yang menimpa diterima dengan penuh kesyukuran dengan mengucapkan: "Segala puji bagi Allah" beribu kali juga, begitu juga Lahoma dan isterinya Jeha.

Petikan ini jelas menyebut keadaan seseorang tidak kira betapa senang atau susah, mesti disusuli dengan pujian yang melimpah. Beginilah hakikat kehidupan yang terpuji dan pujian itu selayaknya bagi Tuhan Yang Maha Esa.

3. Konsep Pemberi Rezeki:

Allah sebagai Ar-Razzāq; salah satu Asmaul Husna yang bererti Maha Pemberi Rezeki. Ini menegaskan bahawa sumber segala rezeki hanyalah dari Allah S.W.T, bukan usaha manusia semata-mata. Semua nikmat datangnya dari Allah S.W.T, meskipun melalui usaha manusia itu sendiri.

(Petikan Ketiga):

"Nasi pemberian Tuhan, fikir Lahuma. Datuknya dulu pun bergantung hidup pada nasi juga. Dia juga serupa".

Ulasan: Pemberi rezeki adalah Tuhan Yang Maha Esa. Sejak turun temurun dan dari nenek moyang terdahulu, nasi menjadi makanan utama dan menjadi sandaran untuk meneruskan kehidupan.

4. Konsep Rezeki:

Rezeki adalah segala bentuk pemberian Allah S.W.T kepada makhlukNya dan tidak terbatas pada wang atau harta tetapi mencakupi kesihatan, ilmu, keluarga, sahabat, iman, dan ketenangan hati. Konsep rezeki dalam Islam menegaskan bahawa Allah S.W.T adalah satu-satunya pemberi rezeki, sementara usaha manusia hanyalah sebahagian dari takdir yang ditetapkan oleh Allah S.W.T

(Petikan Keempat):

"Tiap insan yang datang ke dunia ini tentu ada rezekinya. Tuhan telah menentukan rezeki itu. Cucu cicitnya nanti akan menerima rezeki itu. Terpujulah kepada Tuhan untuk mencorak hidup manusia itu. Terserahlah kepada Allah Azzawajalla. Tapi Lahuma tak pernah memberi nilai kepada rezeki itu. Rezeki yang baik dan banyak perlu kepada keyakinan hidup bekerja. Perlu menambah tanah lagi. Minta sedekah pun rezeki juga. Makan bangkai yang hanyut dalam kali pun rezeki juga. Bertelanjang siang malam pun dapat juga bernafas. Makan bangkai dan bertelanjang juga Lahuma serah kepada Tuhan. Terserah kepada Allah Azzawajalla. Apa boleh buat kalau Allah suruh makan bangkai. Apa nak kata kalau Tuhan suruh anak cucunya bertelanjang".

Ulasan: Kedatangan setiap manusia di dunia ini adalah ditakdirkan rezeki untuknya, termasuk juga cucu-cucunya. Tuhan Yang Maha Kuasa yang memberi

rezeki kepada setiap kehidupan di dunia ini. Dengan demikian, Lahoma tidak memberi nilai pada rezeki yang diperolehi. Penghidupan yang baik adalah dengan bekerja secara berterusan dan juga untuk menambah luas tanah tanpa jemu. Lahoma menganggap meminta sedekah dan memakan bangkai yang terapung-apung di permukaan air juga adalah rezeki. Bertelanjang siang dan malam hatta memakan bangkai juga Lahoma serahkan kebergantungan pada Tuhan Yang Maha Esa.

Shahnnon menjelaskan bahawa kehadiran manusia - anak, cucu, cicit, dan sebagainya - di dunia ini adalah ditakdirkan rezeki untuk mereka kerana Allah SWT adalah pembahagi rezeki ini. Dia percaya dan yakin bahawa peningkatan hasil dicapai dengan kerja keras yang berterusan dan menambah keluasan tanah yang diusahakan. Dalam keyakinannya bahawa orang yang meminta sedekah dan memakan bangkai adalah rezeki daripada Allah malah bertelanjang tanpa pakaian membolehkannya bernafas, bermakna dia menyerahkan segala urusan sepenuhnya kepada Tuhan Yang Maha Esa.

5. Konsep Tawakal:

Islam menggariskan konsep tawakal iaitu menggabungkan sikap seorang Muslim yang berusaha dengan kadar maksima dan penyerahan sepenuhnya kepada Allah S.W.T, bukan sekadar pasrah tanpa ikhtiar.

(Petikan Kelima):

"Nasib anak cucu cicitnya biarlah berada dalam tangan Tuhan".

Ulasan: Lahoma menyerahkan amanahnya kepada Tuhannya tanpa mengambil sebarang alasan dengan menjadikan bahagian cucu cicitnya miliknya.

Konsep Islam yang diketengahkan oleh Shahnnon Ahmad ini bertepatan dengan Teori Sastera Islam oleh Sarjana Penulisan Sastera melayu yang terkenal iaitu Mohd Affandi Hassan melalui Persuratan Baru, berasaskan pendekatan tauhid yang menekankan ilmu, amal, dan adab sebagai asas karya sastera. Ia menolak sastera sekadar hiburan dan menuntut karya berfungsi sebagai pendidikan rohani dan intelektual. Asas Teori Persuratan Baru adalah seperti berikut berlandaskan tauhid sebagai landasan dan kesemua karya mesti berpaksikan konsep keesaan Allah. Sastera Islam bukan sekadar indah, tetapi harus menyampaikan kebenaran mutlak. Persuratan Baru ini juga menekankan pendekatan ilmu, amal dan adab. Penulis bertanggungjawab menyampaikan ilmu yang benar. Sesebuah karya mesti mendorong amal (perbuatan baik) dan menjaga adab (tata susila). Selain itu, konsep taklif menekankan tanggungjawab manusia sebagai khalifah di bumi. Penulis tidak bebas sepenuhnya; mereka terikat dengan amanah menyampaikan kebenaran. Manakala nilai estetika Islam menegaskan keindahan karya diukur bukan hanya pada gaya bahasa, tetapi pada keserasian dengan nilai tauhid. Estetika ini disebut sebagai estetika tauhid, berbeza daripada estetika barat yang menekankan bentuk dan emosi

7.0 KESIMPULAN CERITA

Novel "Ranjau Sepanjang Jalan" telah mencapai nilai yang membanggakan, namun begitu ia tidak terlepas daripada kesilapan yang dilakukan oleh Shahnnon Ahmad melalui penyampaian peristiwa novel tersebut. Tiada karya sastera yang bebas daripada kritikan sama ada positif atau negatif dan di sini penyelidik mengutarakan

kritikan dari sudut pandang negatif. Kesilapan ini bukan disebabkan oleh kejahilan Shahnnon Ahmad dalam memahami Islam, tetapi lebih kepada kejujuran beliau dalam menyampaikan realiti sekeliling dalam bentuk novel sastera yang indah dan kreatif yang telah diperakui oleh rakan-rakannya.

Antara kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh Shahnnon Ahmad di dalam novelnya adalah seperti berikut:

- a) Percaya kepada Tuhan dan tunduk menyerah kepada takdir. Keluarga Lahoma menyerah sepenuhnya kepada takdir secara membuta tuli, semuanya di atas ketetapan Tuhan. Mereka tidak berfikir untuk menambah pendapatan, tidak mengambil kira kepentingan ilmu sebagai sumber dan cara menambah pendapatan keluarga mereka. Mereka redha dengan apa yang telah ditetapkan oleh Tuhan Yang Maha Esa. Mereka juga bukan sahaja tidak menyimpan lebih tanaman malah apabila tiba musim menuai, mereka menyediakan juadah makanan melebihi keperluan yang munasabah.
- b) Sikap berserah Lahoma terhadap penyakit yang menimpa dirinya dan sehingga penyakit itu menyerang dan membunuhnya. Dia tidak mempedulikan penyakit itu dan berkata kepada dirinya sendiri: "Beberapa hari lagi saya akan kembali sihat seperti sediakala". Dia bertawakkal kepada Allah tanpa mengubati penyakitnya atau merawatnya. Dia tidak memberikan badan itu haknya. Jasad ini adalah amanah daripada Allah yang wajib dipelihara, dan hendaklah kita mencegah sebarang kemudaratan yang menimpa tubuh dan hendaklah memberi rawatan apabila ia sakit dan lemah. Rasulullah S.A.W. bersabda: "Tubuh kamu mempunyai hak ke atas kamu."
- c) Kurang memberi penekanan dalam pendidikan kepada anak perempuan. Keluarga Lahoma tidak menitikberatkan pendidikan kepada anak perempuan mereka. Walaupun pada mulanya mereka menghantar anak perempuan mereka ke sekolah kerana terikut dengan keluarga lain di kampung yang menghantar anak lelaki dan perempuan mereka ke sekolah. Namun begitu, keluarga Lahoma masih tidak mempunyai kesedaran terhadap kepentingan pendidikan yang dapat meningkatkan taraf kehidupan mereka sekeluarga kelak. Keluarga itu lebih memberi tumpuan mencari pekerjaan tambahan di sawah dan Lahoma tidak mempunyai pilihan selain menghalang anak perempuannya belajar dan bekerja bersamanya di ladang.
- d) Kurangnya kesedaran sebagai ketua kampung amnya dan ketua keluarga khususnya. Sikap ini dibuktikan oleh Lahoma sendiri yang bergantung pada nasib dan pasrah dengan kemiskinan keluarga mereka. Begitu juga dengan sikap ketua kampung yang digambarkan hanyut dengan kejahilan dan adat yang bertentangan dengan agama, malah tidak ada tindakan yang membantu kemajuan kampung. Sikap begini tidak menonjolkan pemimpin yang ideal untuk memimpin penduduk kampung.
- e) Gaya persembahan novel yang terikat dengan kemahuan emosi penulis. Hasil dari pemerhatian penyelidik, Shahnnon membiarkan watak-watak novel itu berkembang dengan peristiwa dan reaksinya, akan tetapi dia kadang kala campur tangan dalam sesuatu kejadian dan menyatakan pendapatnya peribadinya yang menjadikan watak-watak novel itu tidak bebas dan tidak spontan dalam bertindak balas terhadap sesuatu tindakan.

Sebagai contoh, apa yang dikatakan oleh Shahnon:

"Jeha tidak sedar bahawa harapannya ke arah itu sama sekali tidak ada. Dan kalau ada pun cuma samar-samar sahaja".

Penulis memberi pendapatnya di sini seolah-olah dia yang membuat keputusan melalui reaksi orang lain. Permintaan Jeha agar ketua kampung membantunya dan memudahkan urusannya sedangkan semasa hayat suaminya ketua kampung tidak pernah membantu.

8.0 DAPATAN KAJIAN DAN PENUTUP

Shahnon Ahmad adalah seorang figura penulis Islam yang menyampaikan kepada pembaca isi cerita yang indah dalam sastera. Novel yang mengandungi elemen-elemen yang menghiburkan pembacanya dengan hasil karya sasteranya. Beliau telah memenangi gelaran dan anugerah yang meletakkannya dalam kalangan penulis Melayu yang terkenal kerana penulisannya yang bermutu tinggi dalam arena sastera dan mempunyai ciri-ciri keunikan yang tersendiri.

Novelnya *Ranjau Sepanjang Jalan*, secara umumnya ialah novel Islamik, yang mana konsep keagamaan yang ditonjolkan mengatasi kesilapan yang terdapat dalam novel. Namun begitu, dari sudut kandungan, ia merangkumi konsep-konsep tertentu dengan konotasi yang menyimpang daripada landasan prinsip ajaran Islam yang sebenar. Melalui peristiwa-peristiwanya, novel ini mencerminkan kredibiliti pengarang dalam menyampaikan realiti yang tidak dapat dielakkan penduduk kampung dan salah faham mereka tentang Islam.

Novel ini merupakan novel Islamik yang memaparkan kejujuran penulis yang meluahkan apa yang berlaku di sekelilingnya dengan penuh kejujuran dan keikhlasan tanpa mengira kesilapannya yang terbilang dijari dan kesempurnaan hanya milik Allah Yang Maha Esa.

Terdapat pengakuan yang jelas oleh Shahnon bahawa novelnya telah menyimpang dan terkeluar daripada konsep Islam yang sebenar seperti katanya: "Mengenai novel (*Ranjau Sepanjang Jalan*), jika saya melihat semula melalui kaca mata saya sebagai seorang penulis, saya akan mendapati banyak kelemahan. Contohnya, dari segi falsafahnya sendiri, ia mungkin bercanggah dengan konsep Islam. Saya dengan bangganya mengakui bahawa saya telah belajar daripada kesilapan saya sendiri dan bahawa ia adalah jalan untuk menjadi lebih baik dan lebih baik. Hidup kita ada matlamat dan matlamat, iaitu mendekatkan diri kepada Tuhan Yang Maha Esa, mendapat keredhaan-Nya, dan memasuki Syurga-Nya. Islam tidak mengandungi kelakuan buruk atau kesedihan, tetapi lebih kepada kebahagiaan. Oleh itu, untuk mencapai kebahagiaan ini, kita hendaklah menjadi yang terbaik, dilengkapi dengan iman dan mengikut kaedah yang betul yang diredai oleh Islam. Kita mesti berusaha dan berusaha. Jadi, terus terang saya katakan bahawa saya melakukan kesilapan besar dari perspektif Islam dan semoga kesilapan ini tidak akan berulang lagi. Daripada kenyataan ini, Shahnon mengakui kesilapannya yang tidak disengajakan dan mengakui kebenaran adalah satu kebaikan.

Novel *Ranjau Sepanjang Jalan* bukan sekadar karya sastera klasik, tetapi juga dokumen sosial yang merakam realiti kehidupan desa Melayu. Kajian terhadapnya meliputi aspek sastera, ekonomi, budaya, dan media, menjadikannya teks yang kaya untuk dianalisis dari pelbagai sudut.

9.0 RUJUKAN

البخاري. أبي عبدالله محمد بن إسماعيل، بدون تاريخ، صحيح البخاري، مج 1، بيروت: دار المعرفة.

- Abdul Wahab Ali. (1988). Tradisi Pembentukan Sastera Melayu Moden. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Ahmad et al. (2018). Permasalahan Sosial dan Agama Dalam Novel Terpilih Najib Mahfuz dan Shahnnon Ahmad. Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Arba'ie Sujud et al. (2015). Pemikiran Dan Kepimpinan Dalam Novel Shahnnon Ahmad. *Internatioanl Journal of The Malay World and Civilisation*. 3 (1), 2015, 67-78.
- Aveling, H. (2000). *Shahnnon: Islam, power and gender*. Selangor: Penerbit UKM.
- Azman Ismail. (2018). Novel-Novel Shahnnon Ahmad dalam Perspektif Etnografi Semantik. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu (RUMPUN)*, Jilid 6 Jan 2018, 1-30.
- Goodenough, Ward H. (1957). *Cultural anthropology and linguistic*. Washington DC: Georgetown University.
- Hashim Ismail. (2007) Sejarah Penulisan Novel di Malaysia: Isu dan Cabaran, *Jurnal Pengajian Islam*, Jilid 18 2017, 25-40.
- Ilias Zaidi. (1976). Biografi penulis dan karya. Percetakan Surat Sdn. Bhd.
- Kathirasan Doraisamy. (2004). Pemikiran Shahnnon Ahamd dan Naquib Mahfouz dalam Novel-Novel Terpilih: Satu Perbandingan. Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mohamad Ezhar Ithdzzuddin Mohd Zulhar. (2022). Unsur Realisme dalam Ranjau Sepanjang Jalan Karya Shahnno Ahmad: Aplikasi Teori Funsionalisme. Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan (Kesusasteraan Warisan), Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Faizal Musa. (2021). Tanggapan Terhadap Persuratan Baru: Ambiguiti dalam Pujangga Melayu Karya Mohd Affandi Hassan, *International Journal of the Malay World and Civilisation* 9(1), 2021: 29 - 45 (<https://doi.org/10.17576/jatma-2021-0901-04>)
- Mohd Thani Ahmad. (1983). Wawancara sastera. Kuala Lumpur: Percetakan DBP.
- Morni Hussin. (2018). Aspek Ketuhanan dan Kemanusiaan dalam Novel Terpilih Tiga Sasterawan Negara. Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Kuala Lumpur.
- Shahnnon Ahmad. (1977). *Ranjau Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Yahaya Ismail. (1976). *Sejarah sastera melayu moden*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- <https://almuflihun.com/konsep-syukur-menurut-imam-al-ghazali/>
<https://bincangsyariah.com/kolom/memahami-konsep-takdir-dalam-islam/>